

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 JULY 2016

Senarai nama satu pembohongan

BH-18/7/2016

➔ Gani nafi terbabit dalam organisasi siasah lawan BN

✦ Kuala Lumpur

Bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail semalam menafikan pembabitannya dalam parti baharu bakal ditubuhkan Tun Dr Mahathir Mohamad, selepas namanya tersenarai antara barisan kepimpinan tertinggi parti itu yang menjadi viral melalui media sosial termasuk Facebook dan Twitter kelmarin.

"Pengeluaran senarai nama in-

dividu yang dikatakan terbabit dalam penubuhan parti baharu itu baru-baru ini adalah palsu dan satu pembohongan.

Jadi seorang profesional

"Saya tidak pernah terbabit dan tidak akan terbabit dalam politik. Saya sememangnya dan akan sentiasa menjadi seorang profesional," kata Abdul Gani menerusi aplikasi WhatsApp kepada *BERNAMA*.

Senarai barisan kepimpinan tertinggi parti politik baharu yang dikatakan bakal dibentuk Dr Mahathir antara lain menyenaraikan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dilantik sebagai presiden, manakala bekas Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal sebagai timbalannya.

Sementara naib presiden adalah



Saya tidak pernah terbabit dan tidak akan terbabit dalam politik"

Abdul Gani Patail,
Bekas Peguam Negara

bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim; bekas Naib Presiden PAS, Datuk Husam Musa dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Lagi pemimpin nafi pembabit

Bekas Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Tan Sri Rafidah Aziz turut dinamakan sebagai bendahari dan bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan memegang jawatan setiausaha agung.

Abdul Gani disenaraikan sebagai ahli majlis tertinggi, yang turut dibarisi bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; bekas Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Kamalia Ibrahim; bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul

Rahim Thamby Chik dan Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA), Datuk Ibrahim Ali.

Selain Abdul Gani, beberapa pemimpin lain, termasuk Abdul Wahid, Ibrahim, Rafidah dan Khairuddin dilapor turut menafikan pembabitannya mereka dalam parti itu dengan menyifatkan penyena- raian nama mereka sebagai sesuatu yang karut, palsu dan mungkin dilakukan oleh pihak tertentu yang kurang bijak serta berhati jahat.

Pada Khamis lalu, Dr Mahathir mengumumkan satu pakatan pembangkang yang membabitkan sebuah parti baharu, PKR, DAP dan Parti Amanah Negara akan ditubuhkan untuk melawan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 akan datang.

BERNAMA